

Headline	MyKasih perluas skim pembelian tanpa tunai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	38	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	164 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,360
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,079



# MyKasih perluas skim pembelian tanpa tunai

**Petaling Jaya:** Selepas kesepakatan program bantuan tanpa tunai untuk pembelian barang keperluan asas kepada golongan kurang berkemampuan, Yayasan MyKasih memperluaskan pengagihan bantuan kepada skim pembelian minyak petrol tanpa tunai.

Menerusi skim itu, 40 keluarga dari Kampung Sungai Kayu Ara di sini terpilih menerima bantuan pembelian petrol ditaja BHPetrol sebanyak RM20 sebulan bagi tempoh setahun selain bantuan RM80 untuk membeli keperluan asas.

Pengarah Urusan Yayasan MyKasih Jeffrey Perera berkata, bermula bulan ini penerima terpilih yang menggunakan motosikal sebagai pengangkutan utama itu boleh melakukan transaksi pembelian petrol dengan hanya menggunakan MyKad di BHPetrol Kampung Sungai Kayu Ara.

"Program bantuan petrol adalah julung kali diadakan selepas lebih lima tahun MyKasih beroperasi. Sebelum ini bantuan MyKasih merangkumi keperluan asas, dan kali ini bantuan diperluaskan kepada pem-

belian bahan api mengikut permintaan penaja.

"Selain itu, kita mungkin memperluaskan program seumpama ini kepada pembayaran bil elektrik. Semua inisiatif ini bagi meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah," katanya pada sidang media selepas pelancaran Program Subsidi Petrol Yayasan MyKasih dan BHPetrol di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Datuk Sharifah Azizah Syed Zain iaitu Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi MDeC Datuk Badlis ham Ghazali dan Pengarah Urusan BHPetrol, K T Tan.

Menerusi program itu, penerima bantuan boleh membeli barang keperluan harian dan petrol hanya menggunakan pengecaman cip pada MyKad mereka mengikut had nilai yang sudah ditetapkan.

Terdahulu Sharifah Azizah dalam ucapannya berkata, lebih banyak pihak diharap dapat tampil membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan menerusi program MyKasih.



**“Program bantuan petrol adalah julung kali diadakan selepas lebih lima tahun MyKasih beroperasi”**

**Jeffrey Perera**